



USM UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



DASAR GANGGUAN SEKSUAL

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA 2009

(PINDAAN 2025)





DASAR GANGGUAN SEKSUAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Pernyataan Dasar

Universiti Sains Malaysia memberikan komitmen tinggi dalam menyediakan dan menggalakkan persekitaran kerja dan belajar yang selamat dan sejahtera untuk warga kampus. Gangguan seksual adalah perbuatan yang mengancam keselamatan dan kesejahteraan individu dan masyarakat di kampus. Oleh yang demikian, pihak universiti tidak bertoleransi dengan perbuatan gangguan seksual dan seluruh warga kampus mestilah mematuhi dan menghayati dasar universiti berkaitan gangguan seksual.

Maksud Gangguan Seksual

Gangguan seksual bermaksud:

Sebarang tingkah laku berunsur seksual yang tidak diingini dan memberi kesan sebagai satu gangguan sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal:

- yang, atas sebab yang munasabah, boleh dianggap oleh penerima (mangsa) sebagai mengenakan syarat berbentuk seksual ke atas pekerjaan atau pembelajarannya; atau
- yang, atas sebab yang munasabah, boleh dianggap oleh penerima (mangsa) sebagai satu pencabulan maruah, atau penghinaan atau ancaman terhadap dirinya tetapi tiada hubungan terus dengan pekerjaan atau pembelajarannya.

Gangguan seksual boleh berlaku sekali sahaja atau berulang kali.

Berdasarkan definisi di atas, gangguan seksual juga boleh dibahagikan kepada:

Gangguan seksual berbentuk balasan atau *quid pro quo*

Gangguan seksual *quid pro quo* merujuk kepada gangguan berbentuk seksual, permintaan memberikan bantuan seksual (*sexual favours*) atau perbuatan verbal atau fizikal atau komunikasi bertulis yang berbentuk seksual yang memberi kesan secara langsung kepada status pekerjaan seseorang. Gangguan seperti ini mempunyai kesan mengenakan syarat berbentuk seksual ke atas kedudukan pekerjaan atau pembelajaran mangsa. Sebagai contoh, seseorang pegawai atasan yang mempunyai kuasa menentukan gaji dan pangkat, cuba mengugut pekerja bawahan memberi layanan seksual

kepadanya. Jika pekerja bawahan tersebut tunduk kepada kehendak seksual pegawai atasan tersebut, faedah yang berkaitan dengan pekerjaan akan diperolehi. Sebaliknya pula jika pekerja bawahan berkenaan menolaknya, faedah itu akan dinafikan.

Contoh gangguan seksual bentuk ini ialah –

- i. Seorang pensyarah menjanjikan markah penilaian tugas yang cemerlang sebagai ganjaran kepada pelajar yang memenuhi kehendak seksual yang diminta atau disyaratkannya.
- ii. Seorang pegawai pentadbiran meminta layanan seksual daripada pelajar yang berurusan dengannya untuk mempercepatkan permohonan atau urusan pelajar tersebut
- iii. Seorang penyelia menjanjikan penilaian prestasi yang tinggi kepada pekerja atau pelajar di bawah seliaannya jika pekerja atau pelajar tersebut melakukan perbuatan seksual yang dimintanya

Gangguan seksual yang mengancam ketenteraman persekitaran peribadi

Gangguan seksual berbentuk ancaman kepada ketenteraman peribadi ialah tingkah laku seksual yang dianggap oleh mangsa sebagai ancaman, ugutan atau penghinaan, tetapi tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan faedah-faedah pekerjaan atau pembelajaran. Walau bagaimanapun tingkahlaku itu menimbulkan suasana kerja dan belajar yang tidak tenteram kepada mangsa yang terpaksa dialaminya untuk terus bekerja atau belajar. Gangguan seksual antara rakan sekerja atau rakan pelajar adalah termasuk di bawah kategori ini. Gangguan seksual oleh orang luar yang berurusan dengan universiti, terhadap pekerja atau pelajar juga boleh dimasukkan ke dalam kategori ini.

Gangguan Seksual Di Luar Tempat Kerja

Gangguan seksual bagi tujuan Dasar ini juga termasuk gangguan seksual yang berlaku di luar universiti yang timbul daripada hubungan dan tanggungjawab yang berkaitan dengan pekerjaan dan pembelajaran di universiti ini. Situasi gangguan seksual seperti ini yang boleh berlaku adalah termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- majlis sosial berhubung dengan aktiviti universiti;
- semasa pekerja menjalankan tugas atau pelajar mengikuti aktiviti pelajar di luar universiti;
- sesi persidangan atau latihan berkaitan dengan pekerjaan atau pembelajaran;
- semasa perjalanan berkaitan dengan tugas;
- melalui telefon; dan
- melalui media elektronik

Adalah penting ditekankan bahawa gangguan seksual bermakna **tingkahlaku seksual yang tidak diinginkan dan tidak disenangi oleh mangsa**. Ia juga satu kelakuan seksual yang dilakukan kepada penerima tanpa diminta atau dibalas balik oleh penerima. Oleh itu, dalam menilai sama ada gangguan seksual berlaku, kesan perbuatan kepada **mangsa** mestilah menjadi pertimbangan utama dan bukannya berlandaskan kepada pandangan pelaku atau pandangan umum.

Bentuk-Bentuk Gangguan Seksual

Gangguan seksual merangkumi pelbagai tingkah laku seksual yang boleh dibahagikan kepada berikut:

Gangguan secara fizikal:

Contohnya: menyentuh tubuh badan seseorang, mendekati seseorang dalam jarak terlalu dekat hingga orang itu berasa tidak selesa, memeluk, menepuk, mencubit, mencium, menjilat, meraba, mengusap, menggesel badan, melakukan serangan seksual

Gangguan secara lisan:

contohnya: menggunakan perkataan, komen, gurauan, usikan bunyi dan soalan-soalan yang berbentuk lucah atau mengandungi ancaman atau cadangan seksual; memberikan komen, kritikan atau soalan tentang penampilan, pakaian, tubuh badan atau aktiviti seksual seseorang

Gangguan secara isyarat/bukan lisan:

contohnya: pandangan atau kerlingan yang membayangkan sesuatu niat atau keinginan, menjilat bibir atau memegang atau memakan makanan dengan cara menggoda, isyarat tangan atau bahasa isyarat yang membayangkan perlakuan seks, tingkah laku mengurat yang berterusan.

Gangguan visual:

contohnya: menunjukkan bahan-bahan lucah, melukis gambar lucah, mendedahkan bahagian badan yang sulit yang tidak sepatutnya didedahkan.

Gangguan psikologi:

contohnya: mengulangi jemputan sosial yang telah tidak diterima, memujuk rayu berterusan untuk keluar bersama atau untuk bercumbuan, berkomunikasi secara berterusan melalui surat, telefon, e-mel atau sebarang bentuk peralatan

komunikasi walaupun sudah diminta berhenti oleh penerima komunikasi tersebut

Gangguan yang dimudahcarakan oleh teknologi:

contohnya: menghantar nota, surat, gambar, komen atau bahan-bahan berunsur seksual melalui teknologi komunikasi dan maklumat seperti emel, sistem pesanan ringkas, pelantar media sosial seperti Facebook, WhatsApp, Instagram, Tik Tok atau apa-apa aplikasi yang membolehkan bahan-bahan dipindah ke paparan peribadi mangsa, kumpulan tertentu atau umum dan terbuka

Peranan Warga Universiti Dalam Membasmi Gangguan Seksual

Gangguan seksual boleh berlaku kepada sesiapa sahaja dalam konteks hubungan dalam kalangan warga universiti. Walau bagaimanapun, insiden gangguan seksual yang dilaporkan menunjukkan kebanyakan mangsanya adalah wanita dan pengganggu adalah lelaki. Hubungan di antara pengganggu dan mangsa biasanya merupakan hubungan berbentuk hirarki atau yang disokong oleh hirarki. Seseorang yang lebih berkuasa atau dalam kedudukan hirarki yang lebih tinggi atau disokong oleh kuasa atau hirarki lebih tinggi lebih cenderung menjadi pengganggu kepada seseorang yang berada dalam hirarki lebih rendah atau yang tidak mempunyai sokongan hirarki. Maka, dalam konteks ini usaha membasmi gangguan seksual mesti menekankan pentingnya penggunaan kuasa yang betul dan jujur dan hubungan manusia yang lebih demokratik.

Gangguan seksual tidak akan dapat dihapuskan jika masyarakat universiti tidak menghormati hak orang lain untuk bekerja dan belajar secara bebas daripada gangguan. Oleh itu, warga universiti memainkan peranan penting untuk mempromosi persekitaran universiti yang bebas daripada segala bentuk keganasan termasuk gangguan seksual. Hal ini boleh dilakukan dengan membincangkan secara terbuka masalah gangguan seksual untuk mencari penyelesaian di setiap peringkat universiti. Pembasmian gangguan seksual mestilah menjadi salah satu agenda yang dimasukkan dalam perbincangan untuk membina kesejahteraan persekitaran sesebuah pusat tanggungjawab.

Individu di universiti pula boleh berperanan memberi sokongan kepada seseorang yang datang meminta bantuan kerana mengalami gangguan seksual. Jika seseorang berada dalam kedudukan berkuasa dan boleh membantu secara formal, adalah menjadi tanggungjawabnya untuk berbuat demikian. Individu dalam kumpulan setara pula boleh membantu dengan mendapatkan maklumat berkaitan proses penyelesaian kes.

Kesalahan Gangguan Seksual Dan Proses Penyelesaian Kes Gangguan Seksual

Gangguan seksual adalah perbuatan yang dilarang dalam perkhidmatan awam Malaysia. Peraturan 4A Peraturan Pegawai Am (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 menyatakan gangguan seksual ialah suatu kesalahan tatatertib kerana perbuatan itu memburukkan atau mencemarkan nama perkhidmatan awam. Pekeliling Perkhidmatan No. 5 Tahun 2018 tentang Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja (meminda Pekeliling Perkhidmatan No. 22 Tahun 2005) mendefinisikan perbuatan yang termasuk sebagai gangguan seksual dan menggariskan tatacara mengendalikan kes gangguan seksual dalam sektor awam. Jenis-jenis perbuatan gangguan seksual juga didefinisikan dalam seksyen 2, Akta Anti-Gangguan Seksual 2022 yang menetapkan penyelesaian kes gangguan seksual melalui proses tribunal.

Pihak Universiti Sains Malaysia, sebagai sebuah agensi perkhidmatan awam, telah menerima pakai Pekeliling Bilangan No. 22 mulai tahun 2006. Pekeliling Perkhidmatan No. 5 Tahun 2018 yang menggantikan Pekeliling Bilangan No. 22 juga dianggap terpakai kepada Universiti Sains Malaysia.

Proses Penyelesaian Gangguan Seksual

Untuk menunjukkan pihak universiti tidak boleh bertoleransi dengan perbuatan gangguan seksual, pihak universiti dengan ini menjadikan gangguan seksual satu bentuk salahlaku yang boleh membawa kepada tindakan disiplin dan hukuman lain jika salahlaku itu dibuktikan. Walau bagaimanapun, mengambil kira ciri-ciri spesifik gangguan seksual berbanding salahlaku biasa dalam pekerjaan, prosedur penyelesaian yang khusus telah dibentuk.

Badan khas yang ditubuhkan untuk mengendalikan kes gangguan, menjalankan aktiviti kesedaran tentang gangguan seksual dan menasihati pihak USM dalam respon dan tindakan berkaitan gangguan seksual di USM ialah **Jawatankuasa Teras Gangguan Seksual (JTGS)**. Jawatankuasa ini dilantik oleh Naib Canselor dan diketuai oleh seorang Pengerusi.

Dalam mengendalikan kes gangguan seksual JTGS bekerjasama dengan Pejabat Perundangan dan Pejabat Ombudsman. Apabila menerima aduan daripada mangsa JTGS akan merekodkan kes dan merujuknya ke **Panel Siasatan Kes Gangguan Seksual (PSGS)** yang dianggotai oleh Penasihat Undang-undang (atau wakilnya), Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan seorang ahli JTGS, Ombudsman serta Pegawai Integriti (sebagai setiausaha panel). Ahli-ahli lain boleh dijemput ke PSGS mengikut keperluan kes. Hasil daripada siasatan, PSGS akan membuat cadangan tindakan universiti yang selanjutnya yang termasuklah membawa kes ke **Jawatankuasa Tatatertib Universiti** atau menyerahkan keputusan kepada budi bicara Naib Canselor.

Tindakan Yang Boleh Diambil Oleh Seseorang Yang Mengalami Gangguan Seksual

Apabila seseorang mempercayai dirinya mengalami gangguan seksual, dia boleh mengambil beberapa bentuk tindakan. Keputusan mengambil tindakan mestilah dibuat oleh orang yang mengalami perbuatan itu sendiri apabila dia bersedia dan keputusan itu tidak dibuat kerana dipaksa. Mangsa gangguan seksual mungkin memerlukan bantuan awal dalam mengambil tindakan. Bantuan ini mungkin dalam bentuk bantuan emosi atau bantuan praktikal.

Memberitahu/ berkongsi masalah dengan seseorang

Langkah awal yang boleh diambil oleh seseorang yang berasa dirinya diganggu secara seksual ialah memberitahu atau berkongsi insiden gangguan seksual tersebut dengan seseorang. Pihak-pihak yang mangsa boleh hubungi termasuklah:

Ketua atau penyelia

Ketua atau penyelia di jabatan, bahagian atau unit merupakan sumber sokongan awal yang sesuai untuk mangsa dalam kalangan pelajar atau pekerja universiti. Contohnya, jika pengganggu merupakan seorang pensyarah, aduan awal boleh dibuat kepada Ketua Bahagian atau Dekan Pusat Pengajian. Walau bagaimanapun, jika ketua tersebut ialah pengganggu, bantuan mungkin boleh diperolehi dari seorang ketua yang sama taraf atau bertaraf lebih tinggi daripada pengganggu tersebut.

Rakan-rakan

Rakan sekuliah atau rakan sekerja mungkin boleh menjadi sumber bantuan yang paling mudah terutamanya dari sudut memberi sokongan emosi dan bantuan dalam bentuk mendapatkan maklumat.

Orang perseorangan di sekitar universiti

Sumber bantuan orang perseorangan di sekitar universiti termasuklah kaunselor dan pensyarah. Kaunselor dari Unit Kaunseling universiti dan pensyarah yang mempunyai latarbelakang kaunseling, kerja sosial atau undang-undang boleh membantu memberi pandangan dan maklumat latarbelakang berkaitan gangguan seksual. Mangsa yang merupakan seorang pelajar boleh juga berjumpa mana-mana pensyarah atau penyelia yang dia percayai dan berasa selesa untuk mendapatkan bantuan. Hal ini boleh memperkasakan mangsa dalam membuat keputusan selanjutnya dan dalam mengakses prosedur pengaduan.

Membuat dan menyimpan catatan berkaitan insiden gangguan seksual

Perkara yang penting yang perlu dilakukan oleh mangsa sama ada dia ingin mengambil tindakan segera atau tidak ialah merekodkan insiden gangguan seksual yang dialaminya. Rekod ini boleh dibuat dalam bentuk catatan tentang

tarikh, masa dan keadaan semasa kejadian. Setakat mana yang boleh, gangguan itu perlu dicatatkan dengan terperinci. Nama-nama orang yang mungkin telah menyaksikan peristiwa itu juga penting dicatat. Selain daripada itu, penting juga mangsa merekodkan perasaannya semasa dan selepas peristiwa itu berlaku. Komunikasi mangsa tentang peristiwa tersebut dan perasaannya kepada rakan-rakan sebaik sahaja ia berlaku mungkin juga berguna disimpan sebagai bukti jika aduan dibuat. Jika gangguan melibatkan serangan seksual, mangsa dinasihatkan segera mendapatkan rawatan perubatan dan berterus terang kepada pegawai perubatan punca kecederaan yang memerlukan rawatan itu. Rekod perubatan boleh dijadikan bukti penting dalam kes gangguan seksual.

Mengadu kepada JTGS

Saluran utama untuk mengadu kes gangguan seksual di USM ialah kepada JTGS. Pengadu boleh menghubungi mana-mana ahli JTGS untuk membuat aduan. Aduan mestilah dibuat secara jelas dengan memberikan sebanyak mungkin butiran tentang identiti pelaku, bentuk kejadian, tarikh, masa dan tempat kejadian dan sama ada terdapat saksi semasa kejadian. Ahli yang menerima aduan akan meminta atau membantu pengadu mengisi suatu borang aduan untuk dipanjangkan ke Panel Siasatan Gangguan Seksual. Proses seterusnya ialah seperti dalam **Proses Penyelesaian Gangguan Seksual** di atas.

Melaporkan kepada polis

Sebagai orang awam, mangsa berhak melaporkan insiden gangguan seksual yang berlaku di tempat kerja. Kes yang dilaporkan akan dikelaskan di bawah seksyen-seksyen yang berkenaan dalam Kanun Keseksaan dan undang-undang jenayah lain yang berkaitan. Jika mangsa melaporkan kes kepada polis dan polis menjalankan siasatan, amalan universiti ialah tidak memulakan siasatan kes yang sama jika diadukan juga kepada pihak universiti sepanjang kes yang dilaporkan kepada polis itu berjalan. Hal ini supaya tidak berlaku pertindanan dalam proses penyiasatan. Pihak universiti akan membantu pihak polis jika relevan dan diperlukan mengikut undang-undang negara.

Mengakses Tribunal Anti Gangguan Seksual

Pada bulan Oktober tahun 2022, Parlimen Malaysia meluluskan Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840) yang kemudiannya mula dikuatkuasakan secara berperingkat mulai 28 Mac 2023. Akta ini menyediakan saluran aduan dan penyelesaian kes gangguan seksual dalam bentuk proses tribunal, iaitu suatu proses pengadilan yang tidak melibatkan pendakwaan dan proses kehakiman di mahkamah. Tribunal ditubuhkan di setiap negeri dan orang awam boleh menghubungi tribunal untuk membuat pengaduan kes. Proses ini boleh diakses oleh mana-mana orang awam dan penyelesaian kes adalah dalam bentuk ganti rugi yang tidak melebihi RM250,000, permohonan

maaf daripada pelaku kepada mangsa atau perintah untuk menghadiri apa-apa program yang difikirkan perlu oleh tribunal.

Jawatankuasa Teras Gangguan Seksual

Jawatankuasa Teras Gangguan Seksual (JTGS) ialah jawatankuasa peringkat universiti yang diberikan tanggungjawab menerima aduan dan mengendalikan kes gangguan seksual. Ahli-ahli JTGS terdiri daripada staf akademik dan pentadbiran USM yang dilantik oleh Naib Canselor. Ahli-ahli JTGS juga dipilih dalam kalangan wanita dan lelaki dan pelbagai latarbelakang etnik. Jawatankuasa ini diketuai oleh seorang Pengerusi.

Tugas utama JTGS ialah menerima aduan kes gangguan seksual tanpa prejudis dan mengendalikan proses penyelesaian kes. Dalam proses ini, JTGS bersama-sama dengan Pejabat Perundangan dan Ombudsman membentuk Panel Siasatan Gangguan Seksual untuk menjalankan siasatan dalam apabila kes diadukan.

JTGS juga bertanggungjawab menjalankan program kesedaran tentang gangguan seksual kepada warga kampus. Program kesedaran ini bertujuan memberikan pendidikan kepada warga kampus tentang isu gangguan seksual supaya gangguan seksual dapat dicegah.

Kesimpulan

Dasar Gangguan Seksual Universiti Sains Malaysia menegaskan komitmen USM untuk menghapuskan segala bentuk keganasan, terutamanya keganasan berasaskan gender, dalam universiti supaya warga kampus dapat menikmati kehidupan belajar dan bekerja dalam keadaan yang aman dan sejahtera. Dasar ini perlulah diberikan perhatian serius dan setiap warga kampus perlu bersama-sama memastikan dasar ini dapat dilaksanakan dengan berkesan.

BORANG B

Penjaga Polisi ;	Naib Canselor Universiti Sains Malaysia
Pegawai Bertanggungjawab ;	Pengarah, Pusat Penyelidikan Wanita Dan Gender (KANITA)
Tarikh Kelulusan ;	1 Julai 2009
Pihak Yang Meluluskan ;	Naib Canselor Universiti Sains Malaysia
Tarikh Kuatkuasa ;	1 Julai 2009
Tarikh Semakan ; (sekiranya ada)	1 Februari 2025
Pihak Yang Boleh Dihubungi ;	Pengerusi, Jawatankuasa Teras Gangguan Seksual (JTGS) Universiti Sains Malaysia Penasihat Undang-Undang Universiti Sains Malaysia ✉ puu@usm.my Pengarah, Pusat Penyelidikan Wanita dan Gender (KANITA) ✉ dir_kanita@usm.my